

## KPDNHEP lupus barang tiruan bernilai RM1.09 juta

**NILAI** - Sebanyak 33 kes sitaan bernilai RM1.09 juta dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Putrajaya di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasaan dekat sini semalam.

Timbalan Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Rosli Ahmad berkata, kesemua barangan yang dilupuskan merupakan rampasan ke atas kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Menurutnya, itu merupakan pelupusan kali keenam pada tahun ini selepas menerima arahan daripada pihak mahkamah dan pengawal perihal dagangan.

"Jumlah keseluruhan pelupusan yang telah dijalankan oleh KPDNHEP Putrajaya sepanjang tahun ini adalah RM4.1 juta me-



Rosli (kanan) menunjukkan baju tiruan yang terlibat dalam proses pelupusan yang dijalankan di Nilai semalam.

libatkan 184 kes sitaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melupuskan ekshibit bilangan 6/2019 di Kompleks Penyimpanan Bahagian Penguatkuasaan dekat sini semalam.

Antara barangan yang dilu-

puskan adalah beg tangan, beg galas, dompet, kasut, aksesori, telefon, toner, katrij dan minuman keras.

Tambahnya, kebanyakan barangan yang dirampas adalah dari sekitar ibu negara dan Lembah Klang.